

TARIKH	10 / 5 / 2016	SEKSYEN	Dalam Negeri
MUKA SURAT	23	RUANGAN	

## Kerajaan tiada kuasa desak Arab Saudi bayar pampasan

**PASIR PUTEH 9 Mei** - Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk mendesak kerajaan Arab Saudi membayar pampasan kepada keluarga tujuh jemaah Malaysia yang maut dalam tragedi kren runtuh di Mekah pada tahun lalu sebagaimana yang dijanjikan sebelum ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, setakat ini pihaknya dan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) tidak menerima sebarang berita mengenai bayaran pampasan tersebut.

Walaupun bagaimanapun beliau berkata, pihaknya sentiasa berhubung dengan kerajaan negara tersebut bagi mendapatkan perkembangan semasa.

"Saya berharap keluarga kesemua mangsa bersabar dan berdoa agar bayaran tersebut dibuat secepat mungkin.

"Perkara ini adalah di luar bi-

dang kuasa kita. Tabung Haji akan mengemukakan segera sekiranya menerima perkembangan terbaharu berhubung perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan Majlis Pemufakatan Guru (MPG) di Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Puteh, dekat sini hari ini.

Yang hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selising, Zulkefli Ali dan Ketua Pegawai Pendidikan Daerah, Harun Yusof.

Pada 15 September lalu, agensi media melaporkan Pemerintah



**ASYRAF WAJDI DUSUKI**

Arab Saudi, Raja Salman Abdul Aziz memerintahkan pembayaran pampasan besar-besaran kepada keluarga 111 jemaah haji yang terbunuh dan lebih 234 lagi yang cedera dalam tragedi kren tumbang di Masjidilharam di Mekah pada minggu sebelum itu.

*Saudi Press Agency* melaporkan, dalam deklari-

diraja, Raja Salman mengumumkan satu juta riyal (RM1.13 juta) akan dibayar kepada keluarga setiap mangsa yang terbunuh dan jemaah yang mengalami kecacatan kekal manakala 500,000 riyal (RM566,247) dibayar kepada setiap mangsa yang cedera.